

01 AUG 1997

Abu-Syariah

SELANGOR SOKONG PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DISERAGAM

SABAK BERNAM, 1 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar hari ini menyambut baik langkah kerajaan untuk menyeragamkan pelaksanaan undang-undang Islam antara negeri-negeri.

Beliau berkata kerajaan Selangor sememangnya telah bersedia sejak awal-awal lagi untuk bekerjasama dengan pihak terbabit dalam usaha menyeragamkan pelaksanaan undang-undang berkenaan.

Katanya beliau telah dimaklumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad malam tadi berhubung persetujuan Majlis Raja-raja terhadap cadangan penyeragaman itu.

"Kita tentu sahaja akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri berhubung usaha itu," katanya dalam sidang berita selepas melawat tapak projek perumahan di bawah Program Pemulihan Rakyat Termiskin di sini hari ini.

Abu Hassan berkata kerajaan negeri akan lebih menekankan aspek penyebaran maklumat mengenai undang-undang itu supaya semua rakyat tahu mengenainya, bukannya tertumpu kepada penguatkuasaan semata-mata.

Beliau berkata orang ramai perlu dimaklumkan terlebih dahulu mengenainya sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan diambil.

Abu Hassan juga berkata beliau kini memberikan penumpuan yang lebih kepada program-program pembangunan di kawasan Sabak Bernam memandangkan kadar kemiskinan di kawasan itu adalah tertinggi di negeri Selangor.

Katanya masih terdapat 2,288 keluarga termiskin yang berdaftar di kawasan ini dan menjadi hasratnya untuk membetulkan ketidakseimbangan tersebut melalui beberapa strategi pembangunan.

Beliau berkata kerajaan sedang berusaha meningkatkan pengeluaran padi daripada 4 tan sehektar semusim pada masa ini kepada 7 tan.

Ketika menjawab satu soalan, Abu Hassan berkata beliau belum meneliti laporan berhubung dakwaan pegawai JAIS yang dikatakan telah menggelapkan wang kutipan zakat bernilai RM180,000.

"Laporan itu mungkin telah berada di pejabat saya. Tetapi saya agak sibuk buat masa ini, jadi saya masih belum dapat menelitinya lagi," katanya. -- BERNAMA

AZH NMO